



PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN

KENYATAAN SEBUTHARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAMPIN

Kontraktor Bumiputera yang berpengalaman serta berkeupayaan dan Berdaftar dengan Sijil Pendaftaran Perniagaan Syarikat (SSM) dan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut :-

TAJUK & NO. SEBUTHARGA	KATEGORI/ KOD BIDANG	IKLAN / TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Pejabat Daerah dan Tanah Tampin NO.SEBUTHARGA : PDT-400-080/SHBKP- 4/2021 TEMPOH : Mulai 01/07/2021 hingga 31/12/2022 (18 Bulan)	220801 (Kawalan Keselamatan)	Tarikh Iklan : 15 Februari 2021 (Isnin) Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak : 22 Februari 2021 (Isnin) 9.30 pagi Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Tampin	01 Mac 2021 (Isnin) Sebelum 12.00 tengahari *Dokumen yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan	RM 30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)

Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **22 Februari 2021 (Isnin)** di Kaunter Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Pejabat Daerah dan Tanah Tampin, Negeri Sembilan pada waktu bekerja berikut:-

Isnin -Khamis : 9.00 pagi - 12.30 tengahari dan 2.30 petang - 4.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi - 12.00 tengahari dan 3.00 petang - 4.00 petang

Sebarang pertanyaan boleh terus hubungi pentadbiran ini di talian **06-4421222** pada waktu pejabat.

1. Semua penyebut harga yang ingin menyertai sebutharga ini adalah **WAJIB HADIR** taklimat dan lawatan tapak. Penyebut harga yang lewat/ gagal hadir pada sesi taklimat mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Surat perwakilan kuasa adalah **DIWAJIBKAN** bagi wakil yang hadir semasa lawatan tapak dan pembelian sebutharga.
2. Kontraktor diwajibkan membawa sijil asal semasa mendapatkan dokumen sebutharga. Sijil-sijil berkenaan mestilah masih sah laku tempohnya. Hanya dokumen tawaran sebutharga **ASAL** sahaja yang diterima. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri dan ditulis No. Sebutharga PDT-400-080/SHBKP- 4/2021 "Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Pejabat Daerah dan Tanah Tampin, Pejabat Daerah dan Tanah Tampin, Negeri Sembilan di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Tingkat 2, Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Tampin, 73000 Tampin.**
3. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebutharga atau mengemukakan sebab-sebab sebutharga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.
4. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebutharga tuan/puan akan terjejas.
5. Keputusan sebutharga adalah **MUKTAMAD**.

(SUHAIZA BINTI SHARUDIN)
Pegawai Daerah Tampin
Pejabat Daerah dan Tanah